

Glomac jual dua lot tanah di Puchong

Glomac Bhd melupuskan dua bidang tanah pajakan di Puchong, Selangor kepada cabang hartanah Sunway Bhd pada harga RM97.3 juta dan hasil pelupusan itu akan digunakan terutama bagi membayar balik pinjaman sedia ada kumpulan.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, pemaju hartanah itu berkata, anak syarikatnya, Glomac Al Batha Sdn Bhd, memeterai dua perjanjian jual beli berasingan dengan Sunway Kiara Sdn Bhd bagi cadangan pelupusan berkenaan.

Sunway Kiara ialah syarikat milik penuh Sunway City Sdn Bhd, iaitu cabang hartanah kepada kumpulan Sunway.

Dua lot tanah industri kosong berstatus pajakan itu mempunyai

keluasan keseluruhan 27,397 meter persegi dan terletak di Pekan Desa Puchong, Daerah Petaling, Selangor.

Lot pertama mempunyai keluasan kira-kira 13,848 meter persegi, manakala lot kedua seluas kira-kira 13,549 meter persegi dengan kedua-duanya beralamat di Jalan Perindustrian Puchong, Bandar Metro Puchong.

Glomac memaklumkan, pelupusan berkenaan memberi peluang kepada kumpulan untuk memanfaatkan nilai aset hartanah yang dimiliki, di samping mengukuhkan kedudukan kewangan melalui pengurangan tahap keburutangan.

Hasil pelupusan itu dijangka digunakan untuk membayar balik pinjaman sedia ada serta mengu-

rangkan perbelanjaan faedah berterusan kumpulan, selaras dengan strategi pengurusan kewangan yang lebih berhemah.

Daripada jumlah pertimbangan tunai RM97.3 juta, sebanyak RM62.21 juta akan digunakan bagi pembayaran balik pinjaman, manakala baki RM35.09 juta diperuntukkan sebagai modal kerja untuk keperluan operasi am.

Pelupusan dua hartanah berkenaan dijangka menghasilkan keuntungan bersih kira-kira RM28.7 juta kepada kumpulan Glomac.

Anggaran keuntungan itu adalah berdasarkan nilai buku bersih hartanah berkenaan berjumlah RM78.2 juta setakat tahun kewangan berakhir 30 April 2025

Pertimbangan RM97.3 juta ber-

kenaan ditetapkan berdasarkan rundingan antara pihak penjual dan pembeli, dengan mengambil kira nilai pasaran indikatif tanah berkenaan.

Nilai pasaran hartanah itu dianggarkan sekitar RM100 juta, seperti yang dinilai penilai bebas pada 29 Disember 2025.

Glomac turut memaklumkan bahawa lembaga pengarahnya berpandangan harga pelupusan itu adalah munasabah dan wajar, meskipun sedikit lebih rendah daripada nilai pasaran, mengambil kira manfaat strategik kepada kumpulan.

Pelupusan itu juga tidak memabitkan sebarang liabiliti berterusan atau jaminan kepada mana-mana pihak selepas urusan niaga berkenaan disempurnakan.